



## KENYATAAN MEDIA JABATAN ALAM SEKITAR

---

### OPERASI AIR RAYA 2020 DILAKSANA BAGI MENCEGAH INSIDEN PENCEMARAN AIR SUNGAI SEMENA MUSIM PERAYAAN

---

**14 MEI 2020, PUTRAJAYA** – Jabatan Alam Sekitar (JAS) akan melaksanakan Operasi Air Raya 2020 di seluruh Negara semena musim perayaan Hari Raya Aidilfitri ini. Program penguatkuasaan ini bertujuan untuk **mencegah isu-isu pencemaran air sungai** dengan memfokuskan penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan Peraturan-Peraturan di bawahnya kepada premis atau punca-punca pencemaran yang terletak di hulu takat pengambilan air.

Perkara ini kritikal untuk mengelakkan berlakunya kejadian henti tugas di loji rawatan air dan memastikan pembekalan air terawat kepada pengguna tidak terganggu sepanjang tempoh Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) dan musim perayaan yang akan menjelang tiba.

Pelaksanaan Operasi Air Raya 2020 bermula pada 14 Mei 2020 sehingga 29 Mei 2020. Penguatkuasaan akan dilaksanakan dengan kerjasama Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN), Badan Kawal Selia Air Negeri, Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK), Pihak

Berkuasa Tempatan, operator loji rawatan air dan lain-lain agensi di peringkat Negeri seperti di lampiran A.

Selain itu, pasukan tindakan khas JAS sentiasa bersedia 24 jam bagi menjalankan penguatkuasaan dan siasatan terhadap kes-kes pencemaran yang dikategorikan sebagai kecemasan dan berkepentingan awam yang memerlukan tindakan segera.

Pihak industri dan sektor-sektor yang beroperasi sepanjang tempoh PKPB terutamanya yang terletak di hulu takat pengambilan air hendaklah sentiasa **memastikan pelepasan air buangan mematuhi piawai yang ditetapkan.**

JAS juga mengingatkan bahawa tindakan tegas akan diambil ke atas mana-mana pihak yang didapati menyebabkan pencemaran air sungai. Dalam hal ini, seseorang yang disabitkan kesalahan di bawah Seksyen 25, Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974, boleh dikenakan denda tidak lebih daripada RM 100,000 atau penjara selama tempoh tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, **pengurusan buangan terjadual perlu diberi perhatian yang serius dan hendaklah diurus dengan baik** mengikut undang-undang dan garis panduan serta dikitarsemula atau dilupuskan di premis yang dilesenkan oleh JAS sahaja. Ini adalah kerana buangan terjadual yang mempunyai ciri-ciri berbahaya boleh mendatangkan risiko kesihatan kepada manusia serta pencemaran air, udara dan tanah.

**Pihak industri dilarang sama sekali melupuskan buangan terjadual secara haram.** Tindakan tegas akan diambil di bawah Seksyen 34B,

Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan pihak yang disabit kesalahan boleh dikenakan hukuman penjara dengan tempoh tidak melebihi 5 tahun dan denda tidak melebihi RM500,000.

JAS juga memandang serius usaha-usaha yang perlu diambil dalam mencegah dan menangani kes-kes pencemaran alam sekitar sepanjang tempoh PKPB yang berpotensi menyumbang kepada kemerosotan kualiti alam sekitar dan menjejaskan kesejahteraan rakyat. Semua pihak perlu memainkan peranan kerana alam sekitar adalah tanggungjawab kita bersama.

Orang ramai boleh membantu JAS dengan melaporkan sebarang aktiviti yang mencemarkan alam sekitar di talian bebas tol 1-800-88-2727 atau email ke [aduan\\_k@doe.gov.my](mailto:aduan_k@doe.gov.my) dan melalui portal e-aduan JAS di <https://eaduan.doe.gov.my>. Sebarang aduan/maklum balas yang diberikan sangat bermakna untuk kelestarian alam sekitar negara.

**- Tamat -**

Ketua Pengarah  
Jabatan Alam Sekitar  
Putrajaya

**14 Mei 2020**

**Agensi-agensi yang terlibat dengan pelaksanaan Operasi Air Raya 2020 dari 18 Mei 2020 sehingga 29 Mei 2020**

1. Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara (SPAN)
2. Indah Water Konsortium Sdn Bhd (IWK)
3. Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)
4. Jabatan Kimia Malaysia (JKM)
5. Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Sarawak
6. Jabatan Perkhidmatan Pembentungan Sarawak
7. Jabatan Pelindungan Alam Sekitar Sabah (JPAS)
8. Bahagian Pembangunan Ekonomi Negeri Perlis
9. Lembaga Sumber Asli dan Alam Sekitar Sarawak
10. Majlis Perbandaran Kangar (MPK), Perlis
11. Majlis Perbandaran Kemaman, Terengganu
12. Majlis Perbandaran Kajang, Selangor
13. Majlis Perbandaran Sepang, Selangor
14. Majlis Daerah Kuala Krai, Kelantan
15. Majlis Daerah Padang Terap (MDPT), Kedah
16. Majlis Perbandaran Kubang Pasu, Kedah
17. Majlis Daerah Kuala Selangor, Selangor
18. Majlis Daerah Hulu Selangor, Selangor
19. Pejabat Daerah dan Tanah Raub, Pahang
20. Lembaga Urus Air Selangor (LUAS)
21. Lembaga Sumber Air Negeri Kedah (LSANK)
22. Pengurusan Air Selangor Sdn Bhd
23. Syarikat Air Terangganu (SATU)
24. Syarikat Air Perlis